

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN SIM TONG HIM [ KOTA MELAKA ]  
TARIKH : 25 NOVEMBER 2014  
SOALAN :**

**YB Tuan Sim Tong Him [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang projek pembinaan Hospital Besar Baru Negeri Melaka:-

- (a) adakah cadangan pembinaan projek ini telah diluluskan. Jika ya, berikan lokasi dan jumlah kos projek ini; dan
- (b) bilakah ia dapat dilaksanakan dan apakah kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan baru atau tambahan dapat dibekalkan selepas ia siap bina.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Di dalam RMK-10, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tiada perancangan untuk membina Hospital Besar Baru bagi Negeri Melaka. Tapak serta kos projek juga belum ditetapkan.

KKM sedang mengkaji beberapa opsyen bagi meningkatkan kemudahan yang terdapat di Hospital Melaka antaranya termasuk:

- i) Menaiktaraf hospital sedia ada dengan pembinaan blok tambahan bagi menempatkan kemudahan Wad, Dewan Bedah, Unit Rawatan Harian, Klinik Pakar, ICU dan lain-lain; dan
- ii) Cadangan pembinaan hospital baru bagi Negeri Melaka.

Opsyen yang dipilih (sama ada pembangunan semula hospital sedia ada atau pembinaan hospital baru) akan dikemukakan sebagai salah satu projek keutamaan di dalam RMK-11. Walau bagaimanapun, cadangan pembangunan Hospital Melaka ini juga perlu diselaraskan berdasarkan kemampuan kewangan Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[LANANG]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) berdasar kepada tinjauan atau kaji selidik dari mana Kerajaan boleh membuat kesimpulan bahawa purata pendapatan rakyat Malaysia adalah sebanyak RM5900.00 sebulan dan adakah ini termasuk peribumi dari negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) kadar kemiskinan di Malaysia dan cara untuk mengurangkan kadar kemiskinan agar mencapai sifar miskin menjelang 2020.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenyataan berkaitan dengan purata pendapatan isi rumah Malaysia bagi tahun 2014 berjumlah RM5,919 adalah hasil daripada dapatan awalan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (PPIR) 2014. Kiraan ini adalah berdasarkan dapatan penyiasatan sehingga bulan Jun terhadap 42,000 isi rumah yang terpilih menggunakan kaedah pensampelan yang saintifik. Bilangan sampel bagi laporan awalan ini cukup besar dan menyamai bilangan sampel bagi penyiasatan tahun 2012 dan dapat memberikan statistik yang berkualiti dan *reliable*. Berdasarkan laporan awal PPIR 2014, respons yang diterima adalah sebanyak 99.2 peratus dengan kurang daripada 5 peratus dari *margin of error*. Kaedah pensampelan ini dibuat secara rawak dan turut merangkumi peribumi Sabah dan Sarawak.
- (b) Berdasarkan dapatan awal Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014, kadar kemiskinan negara telah berkurangan kepada 1.0 peratus daripada 1.7 peratus pada tahun 2012. Ini menunjukkan kemiskinan bukan lagi isu utama negara memandangkan kemiskinan hanya merupakan isu poket terutamanya di kalangan masyarakat Orang Asli serta minoriti Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Namun demikian, Kerajaan tetap mengambil pelbagai

inisiatif bagi mencapai kemiskinan sifar menjelang tahun 2020. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

- i. langkah merangsang pertumbuhan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- ii. memperluaskan program pendidikan dan latihan kepada rakyat dengan memberi fokus kepada pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah, termasuk masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak;
- iii. pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti;
- iv. pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming* dan sebagainya. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;
- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak; dan
- vi. rasionalisasi perlindungan sosial (*social protection*) dan jaringan keselamatan sosial (*social safety net*) yang meliputi bantuan

kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU).

Sekian. Terima kasih.